

# Pelancaran 1Hari 1Buku SMK Lajau



**Labuan, 26 Feb – “ 1HARI 1BUKU” Majlis Pelancaran Program NILAM SMK Lajau 2018 telah diadakan dengan jayanya pada 26 Februari 2018 dengan kerjasama daripada semua ahli jawatankuasa yang dilantik.**

Majlis ini telah dimulakan dengan rutin perhimpunan sekolah iaitu lagu Negaraku, Maju dan Sejahtera,bacaan ikrar, bacaan doa dan seterusnya majlis pelancaran telah berjalan dengan lancar sebagaimana yang telah dirancang.

Majlis yang dirancang ini adalah usaha secara kolaboratif antara Pusat Sumber Sekolah dengan Panitia Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan program galakan membaca yang lebih berkesan dan dapat dijalankan secara berterusan.

Selain itu, program ini bertujuan untuk membudayakan

sikap rajin membaca dalam kalangan murid disamping meningkatkan kemahiran berbahasa serta menggunakan Pusat Sumber Sekolah sebagai wahana ilmu yang berkesan. Oleh itu, Program NILAM ini bakal dijalankan sepanjang tahun 2018.

Gimik Perasmian majlis ini diadakan dengan penyerahan penanda perasmian kepada Penolong Kanan Pentadbiran SMK Lajau , Cik. Nur Ain Mohammed selaku perasmi majlis yang dibawa oleh seorang orang pesilat Melayu diiringi oleh seorang pesilat lelaki dan dua orang dayang istana serta iiringgi irama gamelan.

Ucapan Perasmian Majlis Pelancaran Program Nilam 2018 telah disampaikan oleh Penolong Kanan Pentadbiran sekaligus merasmikan pelancaran majlis tersebut. Dalam ucapan perasmian beliau menegaskan bahawa membaca menjadi tunggak utama dalam pelaksanaan PdP.

Sehubungan itu murid perlu membina amalan membaca dan menjadikan sikap suka membaca bagi menjana idea yang kreatif dan inovatif .

Dalam erti kata lain, membaca dapat meningkatkan maklumat dan bakal meningkatkan taraf hidup murid serta bakal menjadi aset negara yang tidak ternilai.

Kempen berbahasa secara betul, tumpuan kepada aspek penggunaan bahasa perlu diadakan dengan aktiviti yang bersesuaian. Usaha ini bertujuan untuk mencungkil bakat bagi memperkasakan bahasa Melayu dan Pusat Sumber Sekolah bertindak sebagai penyumbang utama.

Beliau juga menyarankan agar pelajar dan guru berkunjung ke perpustakaan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Majlis ini adalah titik permulaan kepada pemupukan budaya membaca dalam kalangan pelajar. Semoga dengan adanya

program seumpama ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar kepentingan membaca serta melahirkan pelajar yang berketrampilan serta berdaya saing dalam menimba ilmu.

Majlis ini telah diungkayahkan oleh Encik Yaakub bin Aji selaku Guru Perpustakaan dan Media SMK Lajau, Wilayah Persekutuan Labuan.

**Berita Oleh : Encik Mohd Jamatin Abd Latip**